

8 Exco temui PM bincang perkembangan politik Pahang

KUANTAN, Ahad — Semua lapan ahli Exco Negeri Pahang dijadualkan menemui Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, pagi esok untuk menyelesaikan perkembangan politik terbaru di Pahang.

Menurut punca yang mengetahui, mereka menerima telegram dari Perdana Menteri untuk perjumpaan penting itu.

Adalah difahamkan perjumpaan itu juga ada kaitan dengan pemilihan Pemangku Menteri Besar bila Haji Abdul Rahim Abu Bakar menghadiri Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, tidak lama lagi.

Sementara itu, Haji Abdul Rahim memberitahu beliau akan berjumpa Datuk Sri Dr. Mahathir minggu depan untuk menerima arahan dan mengetahui tentang pemergiannya ke luar negeri itu.

"Buat masa ini saya belum tahu apakah perkembangan dan butir-butir tentang pemergian saya itu," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan penutupan kursus intensif pertolongan cemas Saint John Ambulance di Sekolah Menengah Kebangsaan Beserah (kawasan pilihanraya beliau) Menteri Besar menyeru semua pengundi bertenang.

"Saya mungkin bercuti 3 bulan dan oleh itu saya juga akan berunding tentang keadaan pengundi saya," katanya.

Haji Abdul Rahim menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Beserah yang mempunyai kira-kira 10,660 pengundi sejak 1978.

Di KUALA LUMPUR: Berita Harian difahamkan, Datuk Seri Dr. Mahathir mungkin



HAJI RAHIM BAKAR

meminta Haji Abdul Rahim sama ada meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar atau mengambil cuti selama tiga bulan bagi menghadiri persidangan tersebut.

Perdana Menteri, juga dijangka memberitahu Haji Abdul Rahim tentang pemilihan seorang Pemangku Menteri Besar semasa pemergiannya ke New York.

Pemilihan Pemangku Menteri Besar itu akan dibuat dalam satu mesyuarat esok antara Datuk Seri Dr. Mahathir, yang juga Presiden UMNO dan Ketua Perhubungan UMNO Pahang, dengan Ahli-ahli Exco Negeri itu di sini.

Di antara mereka yang dikatakan layak memangku jawatan tersebut ialah ahli-ahli Exco Negeri, Datuk Haji Abdul Rashid Abdul Rahman dan Encik Abdul Razak Hitam dan Ahli Dewan Negeri Kawasan Ibam, Datuk Khalil Yaacob.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia